

PEDOMAN EJAAN JAWI
Bersama Wan Mohd Saophy
Amizul Wan Mansor



Perkataan daripada Dua Suku Kata Terbuka

Perkataan yang mengandungi dua suku kata terbuka dalam sistem ejaan Jawi dieja dengan dua cara pengejaan seperti yang berikut:

1. Biasanya perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka dieja berdasarkan ejaan Rumi bahasa Melayu, contohnya:

Pola Vokal	Rumi	Jawi
[a + i]	Kaki	كاکي
[a + u]	Laju	لاجو
[i + a]	Nila	نيلا
[i + i]	Sisi	سيسسي
[i + u]	Siku	سيكو
[u + a]	Guna	گونا
[u + i]	Bunyi	بوپي
[u + u]	Susu	سوسو

2. Perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka berpola [a+u], dieja dengan tidak diberikan Alif pada suku kata keduanya, contoh:

Rumi	Jawi
Bapa	باف
Mata	مات
Raja	راج
Laga	لاگ
Rata	رات

Sekiranya kata ini menerima imbuhan akhiran hendaklah ditambah huruf Alif pada suku kata keduanya, contoh:

Rumi	Jawi
Bapamu	بافامو
Mataku	ماتاکو
Rajanya	راجان
Lagakan	لاگان
Ratakan	راتان

KATA KLASIK

Nadim

Takrif: *sahabat karib, orang kepercayaan, orang harapan*

Contoh ayat: *Raja itu turun dari mahligainya diiringi oleh empat orang nadim.*

Oleh Wahyunah Abd. Gani

BAHASA SUKUAN

Salub

Salub ialah kosa kata bahasa suku kaum Murut yang bermaksud misai. Kata ini diucap dalam dua suku kata salub. Contoh penggunaannya adalah seperti dalam ayat berikut: *Ketua kampung itu digeruni oleh kanak-kanak kerana memiliki salub yang tebal.*

Oleh Norzanani Kata

ISTILAH SEMASA

BAHASA INGGERIS	BAHASA MALAYSIA
Covergirls (MAGAZINE)	Wajah penghias
Tagline (ADVERTISING) BROADCASTING)	Slogan iklan
Concealer (COSMETIC)	Sahap noda
panty liner (HYGIENE)	Pelapik celana dalam
Scroll bar (COMPUTER)	Palang skrol/palang tatal

Oleh Raja Shaiful Azizul Azuan

KOSA KATA BAHARU BIDANG SUKAN

patrimoni

Harta pusaka yang diwarisi daripada bapa atau nenek moyang sebelah bapa.

patrilinea

Berkaitan dengan hubungan keturunan atau kekeluargaan mengikut garis keturunan sebelah lelaki atau bapa.

mores

Tatalaku, adat, kebiasaan dan sebagainya yang sudah mendasari nilai-nilai kehidupan sesuatu kumpulan.

Oleh Zaiton Nasir

PEDOMAN BAHASA

PEDOMAN BAHASA Bersama
Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim



Bahasa dalam Pengiklanan

daripada laras-laras lain.

Terdapat pelbagai jenis iklan. Pertama ialah iklan-iklan yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat, seperti iklan pemberitahuan tentang tawaran tender, tawaran kerja, atau sesuatu pengumuman. Dalam hal ini, matlamat utama adalah untuk menyampaikan maklumat dengan cara yang sebaik mungkin supaya difahami oleh pendengar atau pembaca. Keutamaan di sini tertumpu pada bahasa yang ringkas tetapi lengkap, disampaikan dengan cara yang jelas. Perhatikan contoh yang berikut:

KENYATAAN TAWARAN
LEMBAGA KEMAJUAN
PERTANIAN MUDA (MADA)
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
MEKANIKAL DAN INFRASTRUKTUR

1. Tawaran daripada Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan yang berkaitan sahaja diterima di IBU PEJABAT. LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, AMPANG JAJAR, 05990 ALOR STAR, KEDAH DARUL AMAN hingga tutup tawaran jam 12.00 tengah hari pada 29 April 2008 (Selasa) seperti berikut:

BIL.	KONTRAK	TAJUK	KOD BIDANG BEKALAN
1.	MADA (P) 603/08	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SEBUAH (1) KENDERAHAAN YANG BARU JENIS TRAK DENGAN BDM 16,000 KG BERSERTA KREN JENIS HIDRAULIK BERKAPASITI 5,000 KG.	160104

Dalam contoh di atas, bahasa yang digunakan padat dan penuh dengan maklumat. Semua aspek maklumat, seperti nama pengiklan, alamat, tarikh tutup, dan seterusnya dinyatakan secara langsung. Tiada bunga bahasa digunakan, penggunaan huruf besar dan cetakan tebal juga ketara dalam usaha untuk memberi tekanan kepada bahagian-bahagian tertentu.

Perhatikan contoh kedua:

Tiada helah, hanya kebenaran.

Di Open University Malaysia (OUM) kami menyediakan pendidikan berkualiti melangkaui batasan lokasi dan masa. Kaedah pembelajaran terkini dan kursus yang berteraskan industri kami membolehkan hampir sesiapa sahaja mampu mengecapi impian akademik. Anda kini berpeluang memajukan diri serta menjadi tenaga pekerja yang lebih berprestasi. Kenapa tunggu? Sertai OUM dan nikmati masa depan yang cerah hari ini juga.

Iklan ini juga menyampaikan maklumat. Namun, satu aspek tambahan ialah unsur memuji dan memujuk. Iklan ini memuji perkhidmatan yang ditawarkan, misalnya "pendidikan berkualiti" dan "peluang untuk memajukan diri". Kemudian pembaca dipujuk dengan pertanyaan "Kenapa tunggu?" dan diajak menyertai OUM untuk "menikmati masa depan yang cerah".

Itulah salah satu aspek bahasa iklan, iaitu bahasa yang penuh dengan pujian dan rayuan halus. Ini terutama apabila barangan yang diiklankan. Semuanya bersifat terbaik dan membawa manfaat yang tidak terhingga kepada pembaca atau pendengar.

Perhatikan kenyataan-kenyataan berikut, yang dibuat penuh dengan janji dan ketegasan.

- a) Toshiba mengesyorkan Windows Vista/Home Premium Pilihan tepat untuk pengalaman komputer riba yang terunggul!
- b) Anak-anak yang melayari Internet lebih terbuka mindanya.
- c) Pilihan bijak membawa impian anda menjadi realiti! Simpan dengan SSP sekarang.

Sebagai contoh seterusnya, perhatikan iklan tentang tilam berikut yang juga mengeluarkan kata-kata indah untuk memuji dan membayangkan keunikan barangan yang hendak dijual:

Anda bekerja keras sepanjang tahun... jadi nikmatilah tidur lena setiap malam. Manjakan badan anda dengan tidur lena setiap malam.

Perhatikan pula bagaimana iklan ini seterusnya memuji barangan yang hendak dijual.

King coil merupakan jenama Amerika bereputasi tinggi yang mengeluarkan tilam berkualiti tinggi merentasi enam kontinen.

Satu lagi aspek bahasa iklan ialah tawaran yang diberikan untuk menarik perhatian. Contohnya:

- a) Sebuah institusi pendidikan: Tawaran khas bagi pengambilan bulan Mei, iaitu kursus percuma bagi sijil-sijil tertentu.
- b) Promosi barang-barang tertentu pada waktu yang lebih rendah untuk suatu jangka masa terhad.
- c) Hadiah percuma apabila membeli barang pada jumlah tertentu.

Kesimpulannya, bahasa iklan berbeza dengan jenis-jenis bahasa lain disebabkan sifatnya yang khusus untuk menyampaikan maklumat serta untuk menjual barangan dan perkhidmatan. Dalam konteks tujuan kedua, bahasa yang digunakan bersifat memuji, memujuk dan kadang-kadang merayu.